

NO. SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 23 MAC 2015

RUJUKAN : 7541

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar atau ketetapan Kementerian terhadap warga emas yang berumur melebihi 60 tahun memegang kad pengenalan merah kerana kehilangan dokumen pengenalan identiti dan sijil lahir.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mana-mana individu yang telah kehilangan dokumen pengenalan diri sama ada Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan dan sebagainya, individu tersebut boleh hadir ke mana-mana pejabat cawangan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan gantian kepada dokumen pengenalan diri yang telah hilang.

Selain itu, bagi mana-mana pemegang Kad Pengenalan Merah bertaraf Pemastautin Tetap (MyPR) berusia 60 tahun ke atas yang telah memenuhi tempoh kemastautinan di Persekutuan dan syarat-syarat kelayakan untuk memohon kewarganegaraan Malaysia sebagaimana yang termaktub di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, maka permohonan bolehlah dikemukakan di mana-mana pejabat cawangan Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing merupakan suatu anugerah tertinggi Kerajaan Persekutuan kepada individu yang berkelayakan dan penganugerahan tersebut tidak ada memperuntukkan pengecualian syarat berdasarkan faktor umur.